PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN

Sistem perbankan terus mencatat prestasi kewangan yang kukuh pada suku keempat 2005, dengan tahap keuntungan dan kualiti aset bertambah baik, manakala paras permodalan kekal tinggi. Kedudukan kewangan yang kukuh membolehkan sistem perbankan untuk terus menyokong pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan aktiviti pemberian pinjaman.

Paras permodalan kekal kukuh

Meskipun nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) menurun pada suku keempat 2005, paras permodalan sistem perbankan kekal kukuh. RWCR dan CCR masing-masing berada pada tahap 13.1% dan 10.2%. Penurunan dalam kedua-dua nisbah itu disebabkan terutamanya oleh pengembangan dalam aset wajaran risiko (+RM13.9 bilion atau 2.2%) dan sedikit penurunan dalam modal asas (-RM0.5 bilion atau 0.5%). Paras modal asas yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pembayaran dividen yang tinggi oleh beberapa institusi perbankan, manakala peningkatan dalam aset wajaran risiko didorong oleh peningkatan aktiviti pemberian pinjaman.

Prestasi keuntungan menggalakkan

Sistem perbankan mencatat kenaikan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM0.6 bilion (+21.9%) kepada RM3.5 bilion pada suku keempat. Prestasi yang lebih kukuh ini disebabkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan bersih yang lebih tinggi (+RM639 juta atau 209.2%) dan jumlah kutipan balik yang lebih besar (+RM131.8 juta atau 10%) hasil daripada suasana perniagaan yang bertambah baik. Peningkatan ini telah diimbangi sebahagiannya oleh kenaikan kecil dalam perbelanjaan operasi (+RM207.2 juta atau 6.1%). Berikutan itu, pulangan tahunan atas aset purata dan ekuiti sistem perbankan masing-masing berada pada tahap 1.4% dan 16.7% (S3 2004: masing-masing 1.3% dan 15.9%).

Kedudukan Modal Kekal Kukuh

	2004		2005			
	S3	S4	S1	S2	S3	S4
Modal						
CCR (%)	11.4	11.4	10.9	10.8	10.7	10.2
RWCR (%)	13.9	14.4	13.8	13.6	13.5	13.1

Sistem perbankan: Pinjaman tidak berbayar



Kualiti aset bertambah baik

Kualiti portfolio pinjaman sistem perbankan terus bertambah baik pada suku keempat. Pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun sebanyak 2% kepada RM31.3 bilion, seterusnya menurunkan nisbah NPL bersih kepada 5.8% (S3 2005: 6.1%; akhir 2004: 7.5%). Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan turut menurun kepada 4.6% (S3 2005: 4.7%; akhir 2004: 5.8%). Prestasi yang bertambah baik itu didorong terutamanya oleh pengelasan semula NPL sebagai pinjaman berbayar, penghapuskiraan NPL dan pengurangan dalam jumlah NPL baru.